

12 SEP 2003

MAHATHIR-CUKAI/I

CUKAI KORPORAT TIDAK PERLU KURANGKAN, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 12 Sept (Bernama) -- Cukai korporat tidak perlu dikurangkan kerana kerajaan merasakan kadar 28 peratus sekarang telahpun rendah, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Pengurangan cukai korporat tidak memberi banyak perbezaan untuk kerajaan atau sektor swasta, katanya kepada pemberita selepas membentangkan Bajet 2004 di Dewan Rakyat hari ini.

Banyak syarikat menikmati keistimewaan yang diberikan kerajaan dan sebahagiannya tidak membayar cukai sama sekali kerana keistimewaan ini, katanya.

Dr Mahathir yang juga menteri kewangan turut memberitahu bahawa kenaikan cukai ke atas rokok dan alkohol akan memberikan pendapatan yang agak banyak, kira-kira RM150 juta kepada kerajaan.

Tentang peruntukan dalam Bajet 2004 yang lebih rendah berbanding 2003, beliau berkata belanjawan tahun lepas memberikan banyak peruntukan tambahan.

"Walaupun pada 2004, mungkin perlu diadakan belanjawan tambahan tetapi kita hendak mengelak daripada mengadakan belanjawan tambahan kerana itu adalah cara yang tidak cekap," katanya.

Apabila ditanya bagaimana peruntukan belanjawan yang lebih rendah itu dapat merangsang ekonomi yang kini digerakkan terutamanya oleh sektor awam, Dr Mahathir berkata beliau percaya sektor swasta akan menampung kekurangan itu.

"Dalam pengurangan itu pun kita kena beri keutamaan. Yang mana (projek) penting kita teruskan kerana ia mampu menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi. Di masa yang sama, ada projek sektor awam yang besar seperti peleburan aluminium dan lain-lain yang boleh menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi," katanya.

Mengenai sasaran kerajaan untuk mencapai belanjawan berimbang menjelang 2006, Dr Mahathir berkata beliau berkata ia akan dicapai dengan sokongan sektor swasta.

"Kita perlu padankan dengan sektor awam. Jika mereka tidak memberi tindak balas, perbelanjaan kerajaan perlu terus berada pada defisit.

"Inilah langkah yang diambil kerajaan untuk menggalakkan sektor sektor swasta. Jadi, diharapkan mereka memberi tindak balas. Ia boleh dicapai pada 2005, tetapi sasarannya adalah 2006," tambahnya.

Tentang pengurangan cukai ke atas kereta import di bawah Perjanjian Perdagangan Bebas Asean (Afta) Dr Mahathir berkata: "Kita akan patuhi apa yang kita setujui di dalam Afta. Yang utama adalah kita perlu samakan cukai ke atas kereta tempatan dan kereta import.

"Dan ia tidak bermakna kita perlu mengurangkan cukai ke atas kereta import. Kita masih boleh mengenakan cukai yang lebih tinggi untuk meletakkan harga kereta tempatan di paras yang sama dengan kereta import."

Ditanya banyak mana kerajaan ramal akan rugi daripada pengurangan duti akibat Afta, Dr Mahathir berkata kerajaan tidak mempunyai perangkaan itu buat masa ini.

Bagaimanapun, duti eksais yang dikenakan ke atas kereta import akan dibuat agar harga kereta import tidak akan dikurangkan. "Harganya akan sama saja," tambahnya. -- BERNAMA

WNZ SHY JR